



مجلس قضاكف نكري سلاثور

MAJLIS PENGAKAP NEGERI SELANGOR

AKTA PARLIMEN NO. 38 Tahun 1968 PINDAAN NO. 143 Tahun 1974
Kem Temasya Rimba Templer, Km. 20, Jalan Ipoh, 48000 Rawang Kuala Lumpur.
Tel: 03-60910966, 60928966

Ruj. Kami: Bil. 19 dlm MPNS/01(ROV)01
Tarikh: 11 MAC 2013

Kepada:

Semua Pesuruhjaya Daerah,
Semua Penolong Pesuruhjaya Daerah Tugas Khas (Unit Kelana),
Semua Pemimpin Pasukan Kelana,
Semua Ahli Pengakap Kelana,

Tuan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG KALI KE-4 SEKRETARIAT PENGAKAP KELANA NEGERI SELANGOR TAHUN 2013/2014

Dengan hormat dan sukacitanya dimaklumkan bahawa Sekretariat Pengakap Kelana Negeri Selangor akan menjalankan program diatas pada butiran berikut:-

Masa	:	8.00 Malam
Tarikh	:	6 April 2013 (Sabtu)
Lokasi	:	Kem Temasya Rimba Templer

2. Borang pencalonan perwakilan dan usul ada dilampirkan bersama surat ini, dimana hanya 3 orang perwakilan yang berumur tidak melebihi 26 tahun dari setiap krew yg berdaftar sahaja diterima. (sebagai contoh, jika daerah tersebut mempunyai 3 pasukan kelana berdaftar, hendaklah menghantar 9 org perwakilan ke mesyuarat agung). Pencalonan setiap perwakilan tersebut hendaklah disokong oleh pemimpin pasukan dan pesuruhjaya daerah nya.

3. Kehadiran penolong pesuruhjaya daerah (unit kelana), pemimpin pasukan dan jawatan kuasa krew kelana sebagai pemerhati juga amat dialu-alukan.

Sehubungan dengan itu, kami memohon pihak tuan dapat menyampaikan maklumat ini kepada semua pemimpin dan ahli jawatankuasa krew kelana di daerah tuan. Segala kerjasama, perhatian dan bantuan dari pihak tuan amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN"

Yang menjalankan tugas,

b.p. 

MOHD FADZIL BIN MOHD YUSOF
Penolong Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor - Tugas Khas (Unit Kelana)

s.k: Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor